



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENGURNIAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2025

KUALA LUMPUR, 16 Julai 2025 — KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2025 di Istana Negara, hari ini.

Pada majlis ini, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan BYDPA kepada 13 penerima iaitu 10 orang di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan tiga (3) orang di peringkat Sarjana (Penyelidikan).

Dua (2) orang penerima akan melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara, manakala 11 orang penerima lagi akan melanjutkan pengajian di universiti penyelidikan tempatan.

YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa menambah baik dasar latihan dan program penajaan bagi memastikan sumber manusia yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten untuk keperluan strategik sektor awam dan negara dapat dipenuhi.

BYDPA, biasiswa paling berprestij di bawah JPA mula diperkenalkan pada tahun 2006 bagi menaja warganegara Malaysia yang cemerlang bukan sahaja dalam akademik malah aktiviti ko-kurikulum seperti terlibat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan atau dalam penghasilan kerja-kerja berbandungan elemen kreatif dan inovatif.

Sehingga tahun 2025 sebanyak 20 sesi penawaran telah dilaksanakan dengan seramai 225 warganegara Malaysia menerima penajaan BYDPA iaitu 117 orang di peringkat Ph.D dan 108 orang di peringkat Sarjana untuk pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan

Matematik (STEM); Ekonomi; Undang-Undang; Kewangan Islam; dan Kecerdasan Buatan.

JPA menjunjung kasih KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim atas perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku menyempurnakan Majlis Pengurniaan BYDPA Tahun 2025. JPA merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima BYDPA Tahun 2025. Diharapkan semua penerima dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang dan seterusnya memberikan sumbangan bermakna kepada negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 16 Julai 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (18)

SENARAI PENERIMA BYDPA TAHUN 2025

PENERIMA PENAJAAN DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)

Bil.	Nama Penerima	Negeri Kelahiran	Universiti	Bidang
1	Mohamad Fariz Haikal bin Mohd Ruslan	Pahang	Kings College, London, United Kingdom	Farmakologi & Farmasi
2	Karen Low Ka Ling	Melaka	Universiti Kebangsaan Malaysia	Farmakologi & Farmasi
3	Muhammad Hamizan bin Zawawi	Kelantan	Universiti Sains Malaysia	Biologi
4	Muhamad Aiman Hakim bin Nor Khalid	Johor	Universiti Kebangsaan Malaysia	Matematik & Statistik
5	Sarah Dania binti Mohd Kahar	Kedah	Universiti Malaya	Undang-Undang Komersial
6	Teoh Shu Jou	Johor	Universiti Malaya	<i>Data Management</i>
7	Ahmad Firdaus bin Ahmad Sukri	Johor	Universiti Sains Malaysia	Bioteknologi
8	Nurul Angelyn binti Zulhairy Liong	Johor	Universiti Malaya	<i>Genetic & Heredity</i>
9	Nur Zakirah binti Jasni	Sarawak	University of Melbourne, Australia	Sains Veterinar
10	Nurfatima Azzahra binti Fadli	Selangor	Universiti Kebangsaan Malaysia	Biokimia

PENERIMA PENAJAAN SARJANA (PENYELIDIKAN)

Bil.	Nama Penerima	Negeri Kelahiran	Universiti	Bidang / Pengkhususan
1	Fatini Nadiah binti Mohammad Zamzami	Selangor	Universiti Kebangsaan Malaysia	Biokimia
2	Tiew Siew Jin	Sarawak	Universiti Putra Malaysia	Bioteknologi
3	Yugashini A/P P Muhilan	Selangor	Universiti Kebangsaan Malaysia	<i>Biomedical Materials</i>